



GAMBAR Kenangan unit beruniform UMS.

UMS jayakan pelancaran badan beruniform

Oleh I.SAB KHAN MUKARAB SHAH
i.sabkhanUB@gmail.com
19.10.2012 A6
KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjayakan majlis pelancaran Badan-Badan Beruniform yang diadakan buat julung kalinya di kala usia UMS yang kini mencapai 18 tahun.

Naib Canselor UMS, Kapten (K) Prof Datuk Mohd Harun Abdullah berkata terdapat enam badan beruniform yang mengambil bahagian dan melakukan pertunjukan pada majlis berkenaan.

Enam unit itu adalah Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) yang

tinggi terhadap penubuhan setiap pasukan beruniform yang nyata memberi impak besar kepada pembentukan disiplin dan jati diri dalam kalangan para mahasiswa UMS.

“Pelancaran ini juga sekaligus memberi pengiktirafan kepada segala usaha dan penglibatan pasukan beruniform yang telah banyak mambantu ke arah pencapaian kecemerlangan UMS,” katanya.

Harun turut meminta semua pelajar yang mengikuti pasukan beruniform menggunakan setiap peluang yang ada di universiti berkenaan untuk

menengah lagi di mana dia telah menganggotai kadet bomba ketika itu.

“Kerjaya sebagai anggota bomba adalah sangat mencabar yang mana kita perlu memberi bantuan dan pertolongan dengan secepat mungkin selain menyelamatkan mangsa dalam sesuatu kemalangan,” katanya.

Bagi seorang anggota PALAPES Udara, Rosneza Osman yang juga pelajar tahun 3 bahagian Perbankan di Kampus UMS Labuan, dengan menganggotai unit beruniform itu dia mampu memantapkan disiplin diri, bertanggungjawab dan berkeyakinan.



ROSNEZA OSMAN




MOHD SHAHMI



RAMLAN MARAJAN



DEMO Tarian Perang 'Hakka'



PALAPES Darat.



KOR Sukarelawan Siswa Polis (SUKSIS).

juga terdiri daripada tiga komponen iaitu PALAPES Darat, Laut dan juga Udara, Kor Sukarelawan Siswa Polis (SUKSIS), Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam (SISPA), serta Bomba dan Penyelamat.

“Badan beruniform adalah satu elemen penting dalam memupuk semangat disiplin di kalangan pelajar, hal ini terjadi kerana para peserta perlu mematuhi setiap amaran dan peraturan yang telah ditetapkan.

“Badan beruniform juga menjadi salah satu medan yang paling sesuai untuk melahirkan pemimpin yang berwibawa,” katanya ketika berucap merasmikan majlis berkenaan di sini, kelmarin.

Harun berkata, melalui pelbagai kegiatan yang dilakukan dalam pasukan beruniform pelajar akan dilantik atau dipilih sebagai pucuk pimpinan dalam organisasi mereka.

“Dalam konteks ini, pelajar telah diasuh dan diasah sebagai insan yang bertanggungjawab, berkeyakinan, amanah, dedikasi dan berupaya berinteraksi dengan anak buahnya,” katanya.

Katanya, sebagai fakta yang tidak dapat dinafikan, majoriti pemimpin negara pernah menjadi pemimpin dalam pasukan beruniform.

“Justeru, penganjuran majlis pelancaran pada hari ini adalah sebagai satu tanda penghormatan yang

mengembangkan setiap potensi diri dalam pasukan yang disertai.

“Jangan anggap ianya sekadar pelengkap aktiviti ko-kurikulum yang diwajibkan, tetapi manfaatkan segala peluang yang ada sebagai platform bagi pembentukan sahsiah diri, tidak kira mengikut perkembangan prospek kerjaya yang lebih luas seperti ketenteraan, pertahanan awam dan kebombaan,” katanya.

Beliau juga menyarankan agar para pelajar mampu menghabiskan sesi pengajian dalam mana jua pasukan beruniform yang diceburi.

Sementara itu, Ramlan Marajan, 23, yang mengikuti unit beruniform SUKSIS berkata, dia sememangnya meminati unit beruniform polis sejak di peringkat awal persekolahan.

Dia yang juga pelajar bidang Ekonomi Kewangan berkata, selepas menamatkan pelajaran kelak dan ditauliahkan bagi SUKSIS, dia akan mencuba memohon pekerjaan sebagai polis sebenar.

Manakala Mohd Shahmi, 21, yang menganggotai pasukan Bomba dan Penyelamat berkata dia menyimpan hasrat untuk memasuki dalam unit beruniform Bomba kelak.

Pelajar tahun dua jurusan Sains Sukan itu berkata, minatnya itu dipupuk sejak di peringkat sekolah



PALAPES Udara



BOMBA dan Penyelamat.



Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam (SISPA)